

Memorandum selamatkan Skim Anuiti diserahkan kepada PM

BH 30 MAY 2001

PUTRAJAYA, Selasa - Pasukan Petugas Selamatkan Skim Anuiti, hari ini menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menggesa supaya skim anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diteruskan semula.

Turut diserahkan 100,000 tandatangan pemegang polisi anuiti sebagai soko-

ngan kepada skim itu yang digantung sementara oleh KWSP awal bulan ini berikutan bantahan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Memorandum itu diterima Timbalan Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Elias Abu Bakar.

Antara lain memorandum itu membidas MTUC dan mempertikaikan niat sebe-

nar kongres itu memban-
tahkan pelaksanaan berkenaan.

Skim anuiti KWSP yang dilancarkan 1 Julai tahun lalu digantung sementara pada 10 Mei lalu untuk membolehkan kajian dilakukan bagi menentukan sama ada ia patut dikendalikan KWSP atau enam syarikat insurans yang dilantik.

MTUC membantah pelaksanaan skim anuiti itu

dengan alasan tiada kajian terperinci dijalankan sebelum ia diluluskan dan skim itu patut dikendalikan KWSP sendiri.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Pengerusi Pasukan Petugas Selamatkan Skim Anuiti, Gunaraj George, berkata beliau yakin permintaan pasukan petugas itu akan dipersetujui Dr Mahathir.